



BERJAYA: Sebahagian peserta yang turut menjayakan bengkel iOTB berkenaan.

UMS menganjurkan bengkel iOTB, tingkatkan kualiti pembelajaran

UB 18.11.2023 P.03

KOTA KINABALU: Pusat e-Pembelajaran (PEP) dan Jabatan Teknologi Komunikasi Maklumat (JTMK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Bengkel Inclusive Open Textbook (iOTB) dengan kerjasama strategik antara-bangsa bersama Commonwealth of Learning (COL), Kanada.

Bengkel bertujuan memperkasa penggunaan pembelajaran berasaskan teknologi bagi menggalakkan inovasi, seterusnya meningkatkan kualiti hasil pembelajaran.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Haji Mansor, berkata perancangan

itu bukan sekadar untuk penerbitan buku teks terbuka, malah ia komitmen UMS terhadap ekuiti dan keterangkuman dalam bidang pendidikan.

Katanya, ia juga selaras aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan, UNESCO yang keempat (SDG4) iaitu memastikan pendidikan berkualiti secara inklusif dan saksama, dan menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat.

"Bengkel ini memberi ruang kepada peserta melibatkan diri dalam perbincangan, pencerahan dan kerjasama dengan pakar disiplin masing-masing serta

memperoleh pengetahuan diperlukan untuk menghasilkan buku teks terbuka berkualiti tinggi.

"Usaha ini adalah bukti dedikasi kita untuk menjadikan pendidikan sebagai hak sejagat dan bukan satu keistimewaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian bengkel iOTB yang berlangsung selama tiga hari bertempat di Bilik SmartSpace JTMK UMS, baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Pegawai Maklumat UMS, Profesor Dr. Ag Asri Ag Ibrahim.

Bengkel iOTB itu disertai 33 peserta terdiri daripada

kakitangan UMS, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Selain itu, ia turut dihadiri peserta dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan The Southeast Asia Minister of Education Organization Regional Centre for Special Education Needs (SEAMEO SEN).